



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/2/2019	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Misteri kematian 15 biri-biri terjawab

JELEBU- Misteri kematian 15 ekor kambing buiri di Kampung Geylang, Simpang Pertang Sabtu lalu terjawab apabila Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan berjaya menangkap seekor harimau kumbang, semalam.

Pengarahnya, Wan Mat Wan Harun berkata, harimau berkenaan ditangkap menggunakan perangkap besi yang dipasang di kampung itu sejak dua minggu lalu.

"Haiwan itu berjaya ditangkap jam 10 malam dengan menggunakan umpan seekor kambing hidup yang diletakkan di dalam sangkar berasingan bersebelahan perangkap besi berkenaan.

"Kami telah bawa haiwan itu ke Pejabat Perhilitan Seremban untuk rawatan dan pemantauan sebelum dilepaskan ke habitat asalnya," katanya kepada Sinar Harian.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya masih belum mengenal pasti jantina dan berat harimau kumbang berkenaan kerana masih



menunggu prosedur rawatan Jabatan Veterinar dan Perhilitan.

Wan Mat berkata, harimau kumbang merupakan spesies terancam dan dilindungi sepenuhnya mengikut jadual kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

Tambahnya, spesies berkenaan kini sukar ditemui.

Terdahulu, Sinar Harian melaporkan sebanyak 15

bangkai biri biri ditemui dalam kandang di Kampung Geylang, Simpang Pertang, Jelebu dipercayai dibunuh harimau selepas disedari pemilik binatang ternakan itu ketika mahu memberi makan kira-kira jam 8 pagi Sabtu lalu.

Bangkai biri-biri berkenaan ditemui pemilik tersebut dalam keadaan perut terburai dan tulang rusuknya terkeluar.